



## SIARAN AKHBAR

### EMEL PALSU MENGGUNAKAN NAMA AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mendapati ada beberapa emel palsu yang dihantar kepada orang ramai menggunakan nama pegawai dan kakitangan AMBD, dan memohon maklumat peribadi dan/atau bayaran.
2. AMBD ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa AMBD tidak akan memohon maklumat peribadi atau bayaran melalui telefon, pesanan ringkas (SMS) ataupun emel.
3. Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2388388 atau emel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 4 Jamadilawal 1438/ 1 Februari 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3